

03 JUL 2004

Rencana-Harta Karun

KAPAL KARAM SIMPAN HARTA KARUN BERATUS BILION RINGGIT

Oleh Mohamad Bakri Darus

MELAKA: Ramai yang telah melihat sebuah kapal Portugis di Bandar Hilir Melaka tetapi mungkin tidak mengetahui kenapa kapal itu berada di situ atau adakah ia sekadar kesan sejarah menandakan Melaka pernah dijajah Portugis.

Sebenarnya kapal itu ialah replika kepada "Flor De La Mar" atau "Bunga Laut" sebuah kapal Portugis yang karam di Laut Aceh dipercayai bersama 100 tan jongkong emas, barang kemas dan barangan berharga lain yang dianggarkan bernilai US\$100 bilion atau RM380 bilion.

Sejarah mencatatkan, harta karun yang dipercayai masih berada dalam perut kapal itu adalah milik rakyat dan Perbendaharaan Kesultanan Melayu Melaka yang dirampas oleh Portugis selepas berjaya menakluki Melaka pada 1511.

"Walaupun semasa pembinaan replika kapal itu menimbulkan kontroversi iaitu kenapa mengagungkan kapal Portugis tetapi apa yang nak saya agungkan ialah apa yang ada dalam perut kapal itu iaitu ianya cukup kaya dengan sejarah negara dan tamadun bangsa Melayu," kata bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Replika kapal itu dibina pada zaman Rahim menerajui kerajaan Melaka sejak 1982 hingga 1994, bagi menyemarakkan usaha mencari dan mendaratkan kapal itu.

Beliau berkata jika usaha itu berjaya, ianya akan memberi sumber baru dalam menjejaki sejarah Melaka kerana selama ini hanya bergantung kepada dokumentasi daripada Belanda dan British yang turut menjajah Melaka selepas Portugis.

SEJARAH FLOR DE LA MAR

Rahim berkata mengikut sejarah yang ditulis para penulis barat, selepas tentera Portugis berjaya menakluki Melaka, antara kerja utama mereka

ialah
untuk merampas harta kekayaan yang ada di Kota Melaka dan
Perbendaharaan
Kesultanan Melayu Melaka.

Arahan ketika itu, sesiapa yang menyimpan emas atau perak,
mereka akan
dibunuh, justeru hampir keseluruhan penduduk di Kota Melaka ketika
itu
telah menyerahkan segala harta yang mereka miliki.

Ketika itu, Melaka adalah pusat perdagangan yang paling terkenal
di
rantau timur dan juga merupakan kerajaan Melayu yang terbesar dengan
tamadunya begitu hebat dari segi perdagangan, ketenteraan dan
perkembangan
agama Islam.

Dikatakan 20 hingga 30 peti duit emas dan perak, dua ekor beruk
emas
mampat, berlian dan barangan berharga lain yang disimpan dalam
Perbendaharaan Kesultanan Melayu Melaka diangkut ke kapal berkenaan.

Kapal itu dikatakan karam di Laut Aceh kerana muatan terlalu
banyak
apabila dipukul ribut semasa dalam perjalanan pulang ke Portugal.

Harta berkenaan bersama beberapa gadis Melayu cantik dibawa
bersama
dalam kapal berkenaan dikatakan untuk dipersembahkan sebagai hadiah
kepada
raja Portugal.

DIPERCAYAI HARTA KARUN MASIH SELAMAT

Dipercayai sebahagian besar harta karun yang berada dalam kapal
itu
masih selamat dan ianya ditimbusi lumpur dan ditumbuhi batu karang.

Selaku Pengerusi Yayasan Penggerak Wawasan, Rahim percaya
khazanah yang
terkandung dalam perut kapal itu merupakan intisari tamadun Melayu
kerana
di situlah segala kekayaan, kecemerlangan, peralatan dan bahan-bahan
yang
bernilai tinggi dikumpulkan oleh Portugis.

"Ia boleh dijadikan sumber rujukan jika kita dapat menemui
sebahagian
besar daripadanya untuk menulis sejarah bangsa Melayu yang agung
pada
ketika itu," katanya.

Beliau berkata sumber sejarah Melaka sekarang hanya bergantung
kepada
sumber Belanda dan Inggeris.

"Oleh kerana terlalu penting khazanah yang terdapat di perut
kapal
Portugis ini, semasa saya menjadi Ketua Menteri Melaka, Perdana
Menteri
ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju saya bersama Tan

Sri

Abu Hassan Omar (Menteri Luar ketika itu) berjumpa Presiden Suharto untuk membincangkan usahasama Malaysia-Indonesia untuk mencari dan menyelamatkan kapal itu," katanya.

Beliau berkata hasil rundingan, Suharto bersetuju supaya sebuah jawatankuasa bersama ditubuhkan antara Kementerian Luar Indonesia dan Malaysia bagi menguruskan operasi menyelamatkan kapal itu.

"Saya menyampaikan berita menggembirakan ini kepada Dr Mahathir, dan segala persiapan dibuat untuk berbincang dan menyiapkan kelengkapan untuk menyelamatkan kapal itu," katanya.

Malangnya tidak berapa lama selepas itu, Malaysia dimaklumkan oleh Indonesia bahawa perkara itu tidak lagi menjadi bidang kerjasama disebabkan Istana Presiden ketika itu telah meluluskan lesen untuk mencari kapal itu kepada kumpulan tertentu di Indonesia.

"Berita ini saya terima dengan hati yang sedih, kecewa dan rasa tak puas hati, kerana perkara yang telah dipersetujui tetapi dikatakan tak payah usik lagi perkara ini," katanya.

Rahim berkata beliau difahamkan pihak Indonesia cuba mendapatkan khidmat kepakaran syarikat pencari harta karun dari Amerika tetapi usaha mereka itu juga gagal walaupun menggunakan teknologi tinggi kerana telah mengesan terdapat 12 kapal karam di kawasan laut itu.

"Kalau mereka teruskan operasi mencari Flor De La Mar dikatakan membabitkan kos US\$30 juta, jadi tidak ada pihak yang berani untuk membuat operasi itu," katanya.

USAHA CARI HARTA KARUN DITERUSKAN

Rahim berkata beliau menghidupkan kembali usaha untuk mengesan dan mendaratkan kapal itu sejak akhir-akhir ini selepas bertemu dengan beberapa orang ahli Persatuan Arkeologi di Eropah yang cukup berpengalaman dan telah mengeluarkan beberapa filem dalam rancangan televisyen seperti Discovery iaitu mengenai keupayaan mereka mencari bandar-bandar purba yang tenggelam pada masa dahulu.

Katanya kumpulan ini telah menyatakan mereka mempunyai maklumat yang

paling lengkap untuk mengenalpasti lokasi tempat kedudukan kapal Flor De La Mar di Laut Aceh itu tanpa perlu membuat penyelidikan lain kerana mereka telah membuat penyelidikan.

Mereka mempunyai peralatan tercanggih dalam mencari harta karun termasuk harta karun yang tertimbus lumpur seperti di Selat Melaka, katanya.

"...dengan itu saya mengambil inisiatif baru untuk meningkatkan minat rakyat dan negara untuk menyelamatkan kapal itu," kata Rahim.

Antara usaha itu ialah beliau telah menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada awal Mei lepas bagi memohon ihsan Perdana Menteri untuk mempersetujui cadangan kerjasama tiga pihak bagi meneruskan usaha mencari kapal itu demi memastikan tamadun Melayu dapat dibuktikan semula sebagai satu tamadun yang hebat, cemerlang dan gemilang pada suatu ketika dahulu.

"Saya mencadangkan kepada Perdana Menteri agar kerajaan Malaysia memainkan inisiatif mendapatkan kerjasama Kerajaan Indonesia dan juga Institusi Arkeologi yang ada di Eropah, bersama-sama menandatangani "perjanjian tiga segi".

"Perjanjian ini akan mengenalpasti terma-terma rujukan, kaedah-kaedah bagaimana hendak menjalankan operasi ini dari segi modal, struktur modal, kaji undang-undang laut yang ada membabitkan antarabangsa, Indonesia dan Malaysia dan peranan mereka yang membekalkan maklumat menggunakan peralatan canggih, hak negeri Melaka terhadap harta karun yang telah dirampas dari Perbendaharaan Kesultanan Melayu Melaka dan lain-lain lagi," katanya.

Ini bagi memastikan apabila operasi mencari dan mendaratkan kapal itu dilaksanakan, akan ada satu landasan yang kukuh supaya tidak akan berlaku perselisihan faham di kalangan mana-mana pihak.

"Contohnya kerajaan Indonesia boleh memberi lesen, kerajaan Malaysia boleh memberi sedikit pembiayaannya, pihak Eropah boleh membekalkan teknologi dan maklumat yang membawa kita mengesan lokasi sebenar kapal itu," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun perkara itu perlu diterjemahkan dengan jelas dalam perjanjian tersebut.

"Jika pertemuan ini telah terlaksana, pembahagiannya bagaimana ikut undang-undang, ikut hak sejarahnya, pihak yang membekalkan maklumat dan teknologi moden," katanya.

Rahim berkata dalam suratnya itu, beliau mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya melantik Yayasan Penggerak Wawasan sebagai penyelarass kepada kerjasama tiga pihak itu.

Yayasan itu boleh memainkan peranan menjadi fasilitator sehingga bukan sekadar tiga pihak duduk bersama membincangkan syarat dan terma-perjanjian, tetapi sehingga dapat membuat penemuan kapal itu selain keputusan pembahagian bagi setiap pihak yang berhak menerima harta karun itu.

Beliau berkata setakat ini kerajaan Portugal belum menunjukkan minat untuk menuntut haknya terhadap kapal itu.

Katanya, jika harta karun itu berjaya didaratkan, pihaknya akan membina sebuah Muzium Kesultanan Melayu Melaka di negeri ini bagi menempatkan harta karun itu.

"Ianya bukan setakat menjadi tontonan rakyat malah sebagai rujukan generasi akan datang, terbuka kepada pakar sosiologi, pakar sejarah, antropologi dari seluruh dunia yang akan dijemput untuk membuat kajian mengenai kehebatan dan kecemerlangan tamadun Melayu sebelum jatuhnya Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada 1511," kata Rahim.

-- BERNAMA

BD RR